



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

---

**PEKELILING PENDAFTAR**

---

**Bilangan 12 Tahun 2017**

**PEMAKLUMAN ISTIADAT PEMASYHURAN  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XV  
SEBAGAI CANSELOR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
DAN ISTIADAT KONVOKESYEN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KE-86**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai Istiadat Pemasyhuran Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV sebagai Canselor UiTM dan Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA (UiTM) ke-86.

**LATAR BELAKANG**

2. Istiadat Pemasyhuran Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V sebagai Canselor UiTM akan diadakan pada 15 April 2017 di Dewan Agung Tuanku Canselor, UiTM Shah Alam.

3. Istiadat Konvokesyen UiTM ke-86 akan diadakan mulai 15 April hingga 17 Mei 2017. Mesyuarat Senat UiTM ke-221 bertarikh 7 Mac 2017 telah memperakukan seramai 28,618 orang graduan untuk menerima ijazah dan diploma masing-masing pada Istiadat Konvokesyen kali ini yang melibatkan pelajar-pelajar Sarjana (Kerja Kursus), Diploma Lulusan Ijazah, Sarjana Muda, Profesional dan Diploma yang tamat pada Sesi II 2015/2016 (Semester 20162) serta pelajar-pelajar PhD dan Sarjana (Penyelidikan) yang tamat pada Sesi I 2016/2017 (Semester 20164).

4. Perkara tersebut adalah selaras dengan Pekeliling Akademik Bilangan 5 Tahun 2015 bertarikh 1 April 2015 iaitu Penetapan Senarai Graduan Mengikut Sesi Istiadat Konvokesyen Bermula November 2015 dan Sesi Seterusnya.

5. Istiadat konvokesyen akan diadakan di 12 lokasi iaitu UiTM Shah Alam, UiTM Cawangan Perak, UiTM Cawangan Perlis, UiTM Cawangan Terengganu, UiTM Cawangan Sarawak, UiTM Cawangan Melaka, UiTM Cawangan Pahang, UiTM Cawangan Pulau Pinang, UiTM Cawangan Sabah, UiTM Cawangan Johor, UiTM Cawangan Kelantan serta UiTM Cawangan Kedah pada tarikh-tarikh berikut;

UiTM Cawangan (Tarikh Konvokesyen)	Jumlah Sidang	Lokasi Konvokesyen	PhD	Sarjana	Diploma Lulusan	Sarjana Muda	Profesional	Diploma	Jumlah Graduan
UiTM Shah Alam/ Negeri Sembilan (15 - 20 April 2017)	11	Dewan Agung Tuanku Canselor, UiTM Shah Alam	91	1,302	62	8,073	59	1,844	11,431
Pahang (17 -18 April 2017)	3	Dewan Indera Segara, UiTM Cawangan Pahang	-	-	-	128	-	946	1,074
Terengganu (18 - 19 April 2017)	4	Dewan Aspirasi, UiTM Cawangan Terengganu	-	-	-	238	-	930	1,168
Melaka (25 - 27 April 2017)	6	Dewan Taming Sari, UiTM Cawangan Melaka	-	-	-	1,447	-	1,661	3,108
Kelantan (26 - 27 April 2017)	4	Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan	-	-	-	581	-	710	1,291
Sabah (3 Mei 2017)	3	Dewan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Sabah	-	-	-	304	-	491	795
Sarawak (3 - 4 Mei 2017)	5	Dewan Jubli, UiTM Cawangan Sarawak	-	-	-	541	-	1,004	1,545
Pulau Pinang (8 - 9 Mei 2017)	3	Dewan Besar, UiTM Cawangan Pulau Pinang	-	-	-	465	-	858	1,323
Perak (8 - 9 Mei 2017)	4	Dewan Seri Iskandar, UiTM Cawangan Perak	-	-	-	364	-	1,791	2,155
Perlis (15 - 16 Mei 2017)	5	Dewan Sri Semarak, UiTM Cawangan Perlis	-	-	-	563	-	738	1,301
Johor (15 - 17 Mei 2017)	9	Dewan Sri Temenggong, UiTM Cawangan Johor	-	-	-	530	-	1,492	2,022
Kedah (16 - 17 Mei 2017)	4	Dewan Perdana, UiTM Cawangan Kedah	-	-	-	578	-	827	1,405
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>91</b>	<b>1,302</b>	<b>62</b>	<b>13,812</b>	<b>59</b>	<b>13,292</b>	<b>28,618</b>

## PELAKSANAAN

6. YBhg. Dato'/Datin/Prof./tuan/puan dijemput hadir ke istiadat konvokesyen yang akan diadakan di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC), UiTM Shah Alam. Butiran terperinci adalah seperti berikut:

- Lampiran 1 : Jenis Perarakan dan Susunannya
- Lampiran 2 : Susunan Sidang Istiadat Konvokesyen Mengikut Peringkat Pengajian/Fakulti/UiTM Cawangan (Sidang Pertama hingga Kesebelas)

### **i. Kehadiran dan Tempat Berkumpul**

Setiap fakulti dan pusat akademik dikehendaki menghantar seramai 10 orang pensyarah untuk menghadiri sidang pertama istiadat konvokesyen pada 15 April 2017 (Sabtu). Semua staf dan jemputan pada sidang pertama diminta berkumpul dan minum pagi di Ruang Makan B, Foyer DATC selewat-lewatnya jam 7:45 pagi.

Pada sidang kedua hingga kesebelas (16 – 20 April 2017 [Ahad – Khamis]), setiap pensyarah fakulti dan pusat akademik dikehendaki hadir mengikut sidang fakulti masing-masing. Semua staf dan jemputan dikehendaki berkumpul selewat-lewatnya jam 7:45 pagi bagi sidang pagi dan jam 1:45 petang bagi sidang petang di lokasi yang berikut:

- Perarakan Utama : Ruang Makan A, Foyer DATC
- Perarakan Besar : Ruang Makan B, Foyer DATC

### **ii. Jubah Akademik**

Semua yang terlibat dalam Perarakan Pro-Canselor/Utama/Besar dikehendaki memakai jubah seperti berikut:

- a. Jubah Pengurusan Tertinggi (warna ungu)
  - i. Pro-Canselor
  - ii. Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti
  - iii. Ahli-ahli Majlis Eksekutif Universiti
- b. Jubah Ahli Senat (warna biru)
  - i. Ahli-ahli Senat
  - ii. Penolong-penolong Naib Canselor
  - iii. Rektor-rektor UiTM Cawangan
  - iv. Ketua Pustakawan

- c. Jubah Akademik (warna hitam)
  - i. Ketua-ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
  - ii. Pensyarah-pensyarah

Jubah Ahli Senat dan Akademik boleh diambil di Bilik Jubah Akademik (bersebelahan Pos Polis Bantuan, Tingkat Bawah Galeri Tuanku Nur Zahirah, Menara SAAS) sebelum tarikh konvokesyen (mengikut susunan sidang fakulti masing-masing).

Keterangan lanjut mengenai pengambilan jubah tersebut boleh dirujuk kepada Bahagian Governan dan Sekretariat Universiti, Pejabat Pendaftar di talian berikut:

- 03-55443010/3009/3035, 55438541 (Aras 3, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin)
- 03-55442033 (Bilik Jubah Akademik – bersebelahan Pos Polis Bantuan, Tingkat Bawah Galeri Tuanku Nur Zahirah, Menara SAAS) sepanjang istiadat konvokesyen berlangsung sahaja.

### iii. Kod Berpakaian

Semua staf yang dijemput hadir perlu mematuhi kod berpakaian seperti berikut:

- Lelaki** : *Lounge suit*  
(kemeja lengan panjang, tali leher, seluar gelap, *blazer*, stokin gelap dan kasut hitam)
- Perempuan** : Baju Kurung/Kebaya  
(seluar tidak dibenarkan)

### iv. Kehadiran

Bagi memastikan kesempurnaan istiadat konvokesyen, kehadiran YBhg. Dato'/Datin/Prof./tuan/puan amat diharapkan. Sekiranya YBhg. Dato'/Datin/Prof./tuan/puan tidak dapat hadir mana-mana sidang dalam istiadat tersebut, pastikan bahawa wakil yang akan hadir adalah di kalangan Timbalan Dekan/Ketua Pusat Pengajian.

Pemakluman kehadiran YBhg. Dato'/Datin/Prof./tuan/puan atau wakil hendaklah dibuat kepada Pembantu Istiadat yang bertugas di Foyer DATC bagi melancarkan susunan perarakan. Pertanyaan dan maklumat lanjut berkenaan istiadat konvokesyen hendaklah dirujuk kepada :

- Puan Alfina Bakar  
Ketua Timbalan Pendaftar  
Bahagian Canseleri dan  
Komunikasi Korporat  
Tel: 03-55442102/ 2069  
03-55211350/ 1353
- Puan Yuslin binti Mohd Sani  
Timbalan Pendaftar  
Bahagian Rekod Pelajar dan  
Konvokesyen, Pejabat Pendaftar  
Tel: 03-55443110/ 3130/ 3114

#### **TARIKH DIKELUARKAN**

7. Pekeliling dikeluarkan pada 31 Mac 2017.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

8. Pekeliling berkuatkuasa pada 7 Mac 2017.



**AZIDA AZMI**

Pendaftar

Dikelilingkan kepada:

Timbalan-timbalan Naib Canselor  
Dekan-dekan Fakulti/ Pengarah-pengarah Pusat Akademik  
Ahli-Ahli Senat  
Rektor-rektor UiTM Cawangan  
Ketua-ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit  
Pensyarah-pensyarah

Bil. Fail : 100-BPD (PT.6/3)  
No Siri : 100-BPD (Bil. 12/2017)